

Elak beli topeng muka secara panik

KUALA LUMPUR - Orang ramai dinasihatkan agar tidak melakukan pembelian panik dengan mendapatkan topeng muka dalam jumlah yang besar kerana ia akan menimbulkan keresahan, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Menurutnya, kerajaan akan memastikan bekalan topeng muka dalam negara mencukupi berikutan permintaan yang sangat tinggi susulan penularan wabak koronavirus.

"Itu (pembelian panik) akan menimbulkan keresahan yang tinggi. Sementara kerajaan berusaha supaya pihak yang bertanggungjawab memastikan bekalan (topeng muka) mencukupi, saya juga memohon kerjasama daripada rakyat, tidak melakukan *panic buying*, pembelian dalam jumlah yang besar secara tiba-tiba," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat 20 Negara Serantau Pejabat Harta Intelek Berkaitan Sistem Madrid di sini semalam.

Beliau berkata, pengeluar topeng muka tempatan telah diminta meningkatkan pengeluaran mereka dan import barangan itu juga perlu ditingkatkan selepas pertemuan bersama pihak terlibat dilakukan minggu lepas.

Pada masa sama, Saifuddin turut mengingatkan peniaga supaya mematuhi kawalan harga kerana topeng muka adalah barangan harga terkawal.

- *Bernama*